

# Perdagangan: Malaysia

UM 15 OCT 2003

## WAWANCARA OIC

### MUKADIMAH

SELAIN soal pengukuhan ummah, Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) kali ini turut memberi penekanan ke arah meningkatkan kerjasama perdagangan di kalangan negara-negara ahli.

Salah satu usaha yang sedang giat dilaksanakan ke arah itu ialah untuk mewujudkan blok perdagangan Islam atau pasaran bersama di kalangan negara ahli.

Usaha itu yang dilakukan melalui Pusat Pembangunan Perdagangan Islam OIC yang berpejabat di Maghribi diharap dapat membawa pembangunan ke negara-negara Islam yang kini ketinggalan dari semua segi.

Semalam, wartawan **NOR AZIAH JAAFAR** mengadakan wawancara dengan Pengarah Pusat Pembangunan Perdagangan Islam OIC, Rachdi Allal bagi mendapatkan pandangannya berhubung perkara tersebut.

**UTUSAN: Bilakah idea penubuhan pasaran bersama negara-negara Islam ini dibuat dan apa persediaan yang dilakukan untuk pelaksanaannya?**

**RACHDI:** Keputusan mewujudkan pasaran bersama antara negara-negara Islam dibuat pada Sidang Kemuncak OIC di Teheran, Iran pada tahun 1997.

Sejak itu, Pusat Pembangunan Perdagangan Islam telah membuat kajian teliti mengenai perkara itu dan bersedia untuk melaksanakannya pada bila-bila masa sahaja.

**Sejauh mana sambutan yang diberi oleh negara-negara OIC?**

**RACHDI:** Sehingga kini, 22 daripada 57 negara yang menjadi anggota OIC telah bersetuju dengan idea penubuhan pasaran bersama ini.

Bagaimanapun, usaha juga sedang giat dijalankan untuk mendapatkan penyertaan daripada lebih banyak negara ahli.

**Apakah halangan yang terpaksa dihadapi dalam melaksanakan penubuhan pasaran bersama ini?**

**RACHDI:** Salah satu masalah yang wujud adalah kurangnya kerjasama daripada negara-negara ahli.

Ini kerana, masyarakat Islam seluruh dunia tidak berdagang secara langsung sesama mereka.

Ia berlaku disebabkan orang Islam masih dibelenggu dengan mentaliti yang ditanam oleh penjajah bahawa barangan yang dikeluarkan oleh mereka sahaja yang bermutu. Bagi mereka, barangan yang dikeluarkan oleh negara-negara Islam tidak berkualiti.

**Bagaimana mengatasi masalah ini?**

**RACHDI:** Negara-negara Islam perlu menerima perubahan yang berlaku sekarang.

Banyak barangan yang dikeluarkan oleh negara-negara Islam kini tiada beza dengan barangan yang dikeluarkan oleh Barat termasuk dari segi kualiti.

Malaysia sendiri sebagai sebuah negara Islam telah berjaya membuktikan bahawa barangan dan teknologi

## contoh terbaik negara Islam

yang dikeluarkan adalah setaraf malah ada kalanya lebih baik daripada yang dikeluarkan oleh negara Barat.

**Bagaimana tuan melihat peranan Malaysia dalam menjayakan hasrat ini?**

**RACHDI:** Malaysia telah memainkan peranan sangat aktif dengan menawarkan peluang kerjasama perdagangan kepada negara Islam lain.

Contohnya, semasa lawatan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke Maghribi tahun lalu, banyak perjanjian kerjasama perdagangan ditandatangani.

Usaha dan komitmen yang ditunjukkan oleh Malaysia sedikit sebanyak telah menyemarakkan lagi usaha penubuhan pasaran bersama ini.

Malah, kejayaan Malaysia dalam membangunkan perdagangannya adalah contoh terbaik kepada negara Islam lain.

**Kebanyakan negara Islam adalah miskin menyebabkan saiz perdagangan menjadi kecil, bagaimana tuan melihat persoalan ini dalam konteks menjayakan pasaran bersama ini.**

**RACHDI:** Tidak dinafikan saiz pasaran perdagangan Islam adalah kecil tetapi ia semakin meningkat iaitu menjadi 12 peratus tahun ini berbanding lapan peratus tahun lalu.

Saya optimis mengenai perkara ini malah Malaysia sebagai Pengerusi OIC kali ini banyak memberi perhatian kepada pembangunan di negara-negara Afrika yang kebanyakannya miskin.

**Apa harapan tuan terhadap persidangan kali ini?**

**RACHDI:** Saya harap persidangan kali ini akan membuat keputusan yang dapat merangsang kejayaan projek ini.

Kerjasama daripada negara-negara ahli sangat diperlukan untuk menjayakan pasaran bersama ini.

**Apakah langkah selanjutnya untuk merealisasikan penubuhan pasaran bersama ini?**

**RACHDI:** Pusat Pembangunan Perdagangan Islam akan menganjurkan Ekspo Perdagangan dan Strategi Kerjasama OIC Untuk Pembangunan Afrika pada 9 hingga 14 Disember 2004.

Ekspo ini yang akan diadakan di Conakry, Guinea adalah selaras dengan kehendak negara-negara Islam untuk memperluaskan perdagangan dengan negara-negara anggota.